



Program penduduk seperti kelas bahasa, seni kraftangan, masakan atau aktiviti seni taman yang boleh disertai wanita dalam pelbagai latar belakang sangat dipertingkatkan dalam bandar mesra wanita.

CADANGAN BANDAR MESRA WANITA

## Pembangunan perlu lebih holistik

Langkah sejajar misi kerajaan utama keselamatan elak jadi mangsa penjenayah

Oleh Nor Hatina Shuib  
hatinagbh.com.my

► Kuala Lumpur

Pihak berkuasa tempatan (PBT) dan pemaju perlu membangunkan bandar mesra wanita yang lebih holistik dengan mengutamakan aspek keselamatan kerana golongan itu lebih berisiko menjadi sasaran penjenayah.

Presiden Women in Nuclear (WiN), Dr Noor Hasnah Mohamed Khairullah, berkata dengan adanya pelbagai kemudahan dan pemantauan ketat ia dapat menjamin keselamatan dan kesejahteraan golongan itu.

Katanya, bandar mesra wanita pertama yang akan diwujudkan di Subang Jaya, tidak lama lagi menjadi pemuka aras kepada penyediaan bandar lain di seluruh negara.

"Saya berpendapat pemilihan Subang Jaya sebagai bandar mesra pertama sebagai langkah positif yang dialu-alukan sekali gus memamerkan keprihatinan kerajaan kepada keperluan wanita.

"Kita juga berharap supaya turut menyediakan kemudahan pusat penjagaan kanak-kanak bertandiah dan dipantau dari semasa ke semasa demi menjamin keselamatan anak.

"Pada zaman ini, tanggungjawab wanita bertandiah, bukan sahaja ada kerjaya, malah perlu mengurus keluarga dan anak. Jika ada pusat penjagaan yang baik, mereka akan merasa lebih yakin dan tenang ketika keluar bekerja," katanya.

Bekas mengulas kenyataan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, Zuraida Kamaruddin yang menandatangani supaya diwujudkan bandar mesra wanita di seluruh negara bagi memberi keselesaan dan kemudahan lebih komprehensif kepada golongan itu.

Cadangan itu sejajar dengan misi kerajaan untuk melindungi wanita yang kerap menjadi sasaran penjenayah.

### Terapkan perpaduan

Noor Hasnah berkata, sebagai sebuah negara berbilang kaum, pihak berkenaan perlu memainkan peranan untuk memupuk keharmonian dan perpaduan di antara kaum.

Bekas menyarankan diadakan kelas atau program penduduk seperti kelas bahasa, seni kraftangan, masakan atau dan aktiviti seni taman yang boleh disertai wanita dalam pelbagai latar belakang.

"Setiap taman perumahan ini juga patut menyediakan kawasan rekreasi kanak-kanak dan wanita terutama kediaman yang kecil.

"Saya lihat kemudahan seperti ini banyak diaplikasikan di Sepanyol. Setiap kawasan kediaman seperti pangsupari disediakan kemudahan rekreasi untuk penduduk jauh dari jalan raya terutama laluan trafik yang diselenggara dengan baik," katanya.

### Keperluan meruncing

Pengarah Pusat Kepimpinan Wanita Tun Fatimah Hashim Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM),



Pemilihan Subang Jaya sebagai bandar mesra pertama sebagai langkah positif yang dialu-alukan"

Noor Hasnah  
Mohamed Khairullah,  
Presiden WiN



Harus dilaksanakan segera memandangkan kadar jenayah dan mangsa jenayah dalam kalangan wanita semakin meningkat"

Norizan Abdul Razak,  
Pengarah Pusat Kepimpinan Wanita  
Tun Fatimah Hashim UKM

Prof Datin Dr Norizan Abdul Razak, berkata walaupun persekitaran dan bandar mesra wanita sudah dicadangkan sejak dulu kerana ia keperluan meruncing seharusnya dilaksanakan segara memandangkan kadar jenayah dan mangsa jenayah dalam kalangan wanita semakin meningkat.

Katanya, saranan kerajaan itu dianggap bertepatan pada masanya terutama di kawasan tertentu.

"Misalnya, bilik hotel perlu lebih dekat dengan lif bagi memastikan wanita yang menginap berseorangan di mana-mana hotel dapat bersedia jika terdapat sebarang jenayah atau kemalangan.

"Tandas wanita dan tempat letak kereta tidak berada di lokasi gelap dan berada di bahagian hadapan dan mengurangkan kadar jenayah," katanya.

Pegawai Komunikasi, Pertubuhan Pertolongan Wanita (WAO), Tan Heang Lee, berkata perancangan sesebuah bandar berkait rapat dengan keselamatan dan memerlukan perspektif wanita kerana ia pengalaman dilalui setiap wanita setiap hari.

"Wanita sering menjadi mangsa jenayah terutama kes ragut.

"Malah, gangguan seksual yang boleh mencetuskan rasa cemas atau ketakutan sering kali berlaku dalam perjalanan seharian mereka.

"Oleh itu, perancangan bandar mesra wanita perlu mengambil kira isu pengangkutan awam, pencahayaan dan struktur kaki lima.

Presiden Persatuan Wanita Tunggal (WATIM), Nur Eiklah Tuha, berkata kebanyakan wanita kini membantu keluarga menjana pendapatan demi kesejahteraan ekonomi keluarga.

"Bandar mesra wanita dilihat relevan bagi membenarkan kemudahan dan keselesaan kepada wanita bekerja termasuk pusat berandah sejajar dengan gaya hidup ubah," katanya.

Bekas berkata, usaha mewujudkan kompleks sukan khas dengan memprioritaskan keselamatan, utamanya memudahkan wanita melakukan aktiviti berandah dengan suasana selamat.

"Saya cadangkan pusat sukan ini dilengkapi dengan kawalan kamera litar tertutup (CCTV) dan pengawasan keselamatan supaya ibu yang membawa anak ke pusat berkenaan tidak bimbang keselamatan anak," katanya.

### Pelbagai kategori

Pengarah Eksekutif Pertubuhan Pembangunan Kendiri Wanita dan Gadis (WOMENgadis), Abby Lanif, pula bandar mesra wanita lebih praktikal dengan mengambil kira kepentingan golongan lain seperti kanak-kanak, orang tua dan Orang Kurang Upaya (OKU).

"Jika semua ada semua ini diperlukan ia pasti memberi impak kepada bandar berkenaan sebagai bandar contoh.

"Bagi saya usaha kementerian sangat baik selain pihak yang melaksanakan juga perlu lebih progresif dan inklusif," katanya.

Pelaksanaan ini lebih lengkap jika turut disediakan ruang pejabat kaki lebar dan cerah, stesen bas yang tidak terowok atau terbit tandas awam yang strategik dan segi infrastruktur dan lokasinya.

"Penyediaan infrastruktur seperti penyediaan perhentian bas di tempat awam dan sekolah yang lebih berstruktur diperlukan bagi memudahkan mengambil dan menurunkan penumpang," katanya.